

# 'Anak Didik' CI UMS rangkul hadiah utama

UB 29.05.2024 P.08

KOTA KINABALU: 'Anak Didik' Confucius Institute (CI) Universiti Malaysia Sabah (UMS) cemerlang dalam Kejohanan Akhir Jambatan Cina ke-4 untuk Pelajar Sekolah Rendah Malaysia apabila berjaya memenangi ketiga-tiga hadiah utama bagi kategori pelajar sekolah rendah.

Janice Tsen Yu Xuan dinobat sebagai juara bagi kategori itu, manakala Phoebe Chong Zhi Xuen muncul sebagai naib juara, dan Ammar Yusof Izwan merangkul tempat ketiga.

Ketiga-tiga mereka yang merupakan pelajar dari SJK (C) St. James, Kota Kinabalu telah mengadakan kelas latihan persediaan selama dua minggu bersama CI UMS dengan bantuan guru

Jin Jinjin sebagai persiapan menghadapi pertandingan itu.

Seorang lagi pelajar dari sekolah sama, Geraldine Amaris Lajawai turut terpilih sebagai penerima Anugerah Pertuturan Terbaik.

Menerusi kejayaan itu, Janice bakal mewakili Malaysia dalam pertandingan akhir global di China.

Dalam pada itu, Pengarah CI UMS, Prof. Ts. Dr. Chong Khim Phin merakamkan ucapan tahniah atas prestasi cemerlang para pelajar yang mewakili negeri Sabah dalam kejohanan itu.

Katanya, CI UMS akan terus menggiatkan usaha memperkenalkan budaya dan bahasa Cina kepada masyarakat tempatan untuk interaksi dan kesejahteraan.

"Usaha institut ini untuk mempromosikan pertandingan Jambatan Cina dalam edisi kali ini serta menyediakan bantuan kepada para peserta telah menarik perhatian dari pelbagai sekolah rendah dan menengah di Sabah."

"Saya percaya hasil bimbingan guru secara teliti serta kerjasama yang erat antara CI UMS dan sekolah tempatan berjaya menjadi pencetus kepada prestasi cemerlang para peserta dari Sabah dalam kejohanan ini," ujar beliau.

Pertandingan itu yang berlangsung di Universiti Malaya, Kuala Lumpur antara lain merangkumi soal jawab pengetahuan budaya dan bahasa Cina, pengucapan dalam bahasa Cina, persembahan bakat, dan ucapan spontan.



**JUARA:** Janice dinobat sebagai juara pertandingan kategori pelajar sekolah rendah.